

# Desak ganti segera pangkalan uzur

Nelayan bimbang pangkalan semakin usang dan membayakan nyawa

KANCHONG - Nelayan di Kanchong Laut di sini mendesak pihak yang berkaitan supaya mempercepatkan projek pembinaan semula pangkalan nelayan yang sudah semakin uzur.

Menurut mereka, pangkalan itu sudah usang dan membahayakan keselamatan nelayan yang menjadikannya sebagai tempat persinggahan dan pendaratan hasil laut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati struktur pangkalan itu yang rata-ratanya diperbuat daripada kayu sudah rosak teruk dan sering tenggelam bila air pasang.

Seorang nelayan, Hafiz Diman, 60, berkata, banyak struktur pangkalan ini yang sudah rosak dan nelayan sedikit demi sedikit cuba membaiki dan menggantikan kayu yang rosak.

"Tapi sekarang banyak strukturnya yang sudah rosak dan terdapat beberapa kejadian nelayan terjatuh akibat papan pelantar yang patah," katanya ketika



Chandran dan Hock Lal menunjukkan hanya kira-kira 100 meter laluan dibina dengan konkrit dan selebihnya sudah uzur.

ditemui.

Justeru, katanya, nelayan di kawasan itu sangat berharap supaya pangkalan tersebut dapat dinaik taraf untuk kemudahan mereka turut mencari rezeki di laut.

"Pakcik dah jadi nela-

yan sejak umur pakcik 20-an lagi dan kerja ini adalah mata pencarian pakcik tapi bila tengok keadaan nelayan tak ada perubahan sedikit jugalah," katanya.

Ketua Pangkalan Nelayan Kanchong Laut, R

Chandran, 3, berkata, nelayan tidak mampu untuk menggantikan sendiri struktur pangkalan itu yang rosak memandangkan ia memerlukan kos yang tinggi.

"Saya telah pun menjangkakan masalah ini ke-

## REAKSI



**Pakcik memang turun ke laut tangkap ikan, tapi bila air pasang nak lalu jeti ni pun takut sebab tak nampak laluan sebenar, silap-silap boleh tergelincir jatuh."**  
- R Gonvindasamy, 49.

**Pakcik datang sini ambil upah tangkap ikan, kawan-kawan ada cerita bila air pasang, air akan naik melepasi paras jeti, pakcik pun berasa bimbang."** -Jjal Jamain, 60.



pada pelbagai pihak namun sehingga hari ini belum ada berita baik atau peruntukan pembinaan dikeluarkan.

"Kami turut memohon pembinaan galang bagi memudahkan nelayan membersihkan sampan atau bot, juga tiada sebarang maklum balas," katanya dengan nada kecewa.

Beliau berkata, nelayan hanya mampu mengeluh dan mengharapkan perhatian pihak yang berkenaan untuk melakukan perubahan pada pangkalan yang digunakan seramai 79 ahli nelayan di kawasan itu.

Sementara itu, bekas Ketua Pangkalan Nelayan

Kanchong Laut, Ong Hock Lai, 66, berkata, sejak melepaskan jawatan sebagai ketua pangkalan memang tiada lagi pembakuan jeti di kawasan itu.

"Saya masih ke laut menangkap ikan dan terkesan dengan kemudahan yang teruk dan tidak sistematik sebab itu kami merayu kerajaan mempertimbangkan permohonan untuk membaik pulih jeti ini.

"Jeti ini sudah ada sejak saya kecil dan keadaannya bertambah uzur serta tetap tak berubah seperti lebih 15 tahun dahulu dan jika dibiarkan boleh mengancam nyawa nelayan," katanya.

## MDKL roboh papan iklan tak patuh syarat

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan termasuk merobohkan struktur binaan papan iklan yang didirikan tanpa kebenaran serta tidak mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, pihaknya kesal dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang menaikkan struktur berkenaan di bahu jalan terutamanya di jalan-jalan utama hingga menimbulkan rasa kurang senang orang awam.

"Sebelum sebarang kelulusan diberikan, permohonan perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada MDKL terhadap setiap billboard yang ingin dibina di daerah ini dan ia bagi memastikan binaan tersebut mematuhi syarat dan peraturan dengan mengambil kira ulasan pelbagai jabatan teknikal demi menjamin keselamatan semua pihak.

"MDKL tidak akan teragak-agak me-



MOHD ZAIN

lakukan kerja-kerja merobohkan struktur binaan jika pemilik ingkar atau mengabaikan notis yang dikeluarkan," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Menurutnya, tindakan merobohkan struktur binaan papan iklan boleh akan dilakukan di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) selain kes juga boleh di bawa ke mahkamah

untuk tindakan lebih tegas terhadap pihak yang mengingkari syarat serta peraturan tersebut.

"Pada tahun lalu hanya dua billboard di Lebuhraya Elite dirobohkan dan saya berharap tahun ini pemilik papan iklan dapat mematuhi segala peraturan yang ditetapkan," katanya.

Mohd Zain turut mengingatkan semua pihak supaya dapat mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk membina apa jua struktur binaan bagi mengelakkan tindakan drastik diambil selain demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam.



Pengkuat kuasa MDKL sedang menurunkan papan iklan yang tidak mematuhi syarat.